

Oleh Basir Zahrom
basir_zahrom@bh.com.my

Serdang

Peluang berniaga di lokasi strategik dalam kampus tidak disia-siakan Nor Eizzah Yusoff, 22, untuk mengusahakan perniagaan makanan yang menawarkan pelbagai pilihan kepada warga kampus Universiti Putra Malaysia (UPM).

Kios Jolyns And The Baker di depan perpustakaan utama, UPM miliknya sering menjadi lokasi tumpuan pensyarah dan pelajar untuk mengalas perut setiap hari.

Menawarkan pelbagai pilihan sajian ala Barat seperti mufin, pasta, lasagna, roti dan pai, sambutan diterima cukup menggalakkan sehingga beliau mampu meraih pendapatan lumayan.

"Kebanyakan pelanggan inginkan makanan yang ringkas dan cepat kerana mereka sibuk mengejar masa, sama ada untuk ke kuliah, ke perpustakaan atau mengendalikan kelas."

"Ternyata keputusan saya memilih sajian ringkas ini tepat kerana ia disukai pelanggan dan antara makanan yang sering menjadi pilihan ialah lasagna, donut dan pai shepard," katanya.

Servis terbaik

Selain menawarkan harga yang berpatutan, Nor Eizzah turut mengutamakan kualiti servis terbaik demi memastikan kepuasan pelanggan.



Sajian ringkas buka selera pelajar



Katanya, kebanyakan produk makanannya diperoleh daripada pembekal luar, namun beliau juga aktif memantapkan pengetahuan dan kema-

hiran memasak dengan mengikuti kelas masakan di luar kampus.

"Selain kursus di luar, saya juga banyak berkongsi ilmu keusahawanan

di UPM menerusi Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar bagi mendalami teori dan selok belok perniagaan.

"Bagi saya, cabaran



Nor Eizzah di depan kiosnya.

dalam perniagaan ini ialah masalah berkaitan pembekal apabila mereka lewat atau gagal menghantar bekalan pada watu yang sepatutnya, namun ia mampu diatasi jika kita mampu berkomunikasi dengan baik," katanya.

Mengenai perancangan masa depannya, Nor Eizzah berkata, beliau bercita-cita untuk memiliki jenama perniagaan sendiri berkonsepkan francais suatu masa nanti.

TERNYATA KEPUTUSAN SAYA MEMILIH SAJIAN RINGKAS INI TEPAT KERANA IA DISUKAI PELANGGAN"

Nor Eizzah Yusoff,
Pelajar UPM



Nor Eizzah (dua dari kiri) mengutamakan servis terbaik kepada pelanggannya.